


# **PERATURAN CUTI BERANAK 2011**


**BAGI RAKYAT DAN PENDUDUK  
TETAP YANG BERKHIDMAT  
DI SEKTOR SWASTA**



Jabatan Buruh  
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri



## ISI KANDUNGAN

1. PENGENALAN.
  2. SYARAT KELAYAKAN.
  3. TEMPOH CUTI BERANAK.
  4. PEMBAYARAN GAJI.
  5. KEGUGURAN DAN KEMATIAN ANAK DALAM KANDUNGAN.
  6. PENGESAHAN CUTI.
  7. KAJIAN SEMULA
  8. TARIKH KUATKUASA.
  9. NOTIS BERSALIN.
  10. PENALTI.
  11. TATACARA TUNTUTAN PEMBAYARAN BALIK GAJI.
  12. PENGIRAAN KADAR KASAR GAJI.
  13. CONTOH BORANG TUNTUTAN PEMBAYARAN BALIK.
- 

## BAHAGIAN A : CUTI BERANAK MENGIKUT SURAT SETIAUSAHA TETAP JABATAN PERDANA MENTERI BERTARIKH 3 JANUARI 2011

### 1) Pengenalan

Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri melalui surat dalam bilangan JPM/S/A/SK/05 bertarikh 28 Muharram 1432 bersamaan 03 Januari 2011 memaklumkan bahawa pada menjunjung t i t a h p e r k e n a n Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Baginda telah memperkenalkan bagi Peraturan Cuti Beranak 2011 yang baru dalam mana terdapat beberapa peraturan untuk pekerja-pekerja di sektor swasta yang terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap.



## 2) Syarat Kelayakan

- 2.1 Pekerja-pekerja adalah terdiri daripada **Rakyat** dan **Penduduk Tetap**.
- 2.2 Berdaftar dibawah **Tabung Amanah Pekerja (TAP)**.
- 2.3 Mestilah berkhidmat dengan majikan selama **180 hari dan keatas** (Bab 91(3) Perintah Pekerjaan 2009).
- 2.4 Pekerja wanita yang berkahwin **SAH** dari segi undang-undang (Perintah Pekerjaan 2009).

## 3) Tempoh Cuti Beranak

Tempoh keseluruhan Cuti Beranak bagi rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang bekerja di sektor swasta adalah selama **15 minggu (105 hari)** dan hendaklah diambil 2 minggu sebelum tarikh dijangka beranak. **Bagi pekerja-pekerja yang lain adalah tertakluk di bawah Perintah Pekerjaan 2009.**



## 4) Pembayaran Gaji

- 4.1 Pihak majikan membayar gaji bagi tempoh 8 minggu pertama seperti yang sudah dikuatkuasakan oleh **Bab 91 Perintah Pekerjaan 2009**.
- 4.2 Pihak Kerajaan membantu membayar gaji penuh bagi tempoh 5 minggu berikutnya.
- 4.3 Majikan perlulah membuat pembayaran gaji pekerja terlebih dahulu bagi tempoh 5 minggu tersebut dan kemudiannya membuat tuntutan pembayaran balik kepada Kerajaan.
- 4.4 Tempoh 2 minggu selebihnya adalah secara Cuti Tidak Bergaji.

## 5) Keguguran dan Kematian Anak Dalam Kandungan

- 5.1 Didalam keadaan yang melibatkan keguguran kurang dari 24 minggu kandungan, pekerja perempuan itu akan diberikan Cuti Sakit.
- 5.2 Didalam keadaan yang melibatkan kematian anak dalam kandungan yang lebih dari 24 minggu, pekerja perempuan itu akan diberikan Cuti Beranak selama **8 minggu sahaja** yang mana 5 minggu akan dibantu oleh Kerajaan dan selebihnya 3 minggu ditanggung oleh pihak majikan. Cara pembayaran adalah sama seperti proses para 4.3 di atas.

## 6) Pengesahan Cuti

- 6.1 **Pengesahan Cuti** - Kebenaran Cuti Sakit dan Cuti Beranak akan disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

## 7) Kajian Semula

- 7.1 **Kajian Semula** - Bantuan pemberian gaji oleh pihak Kerajaan kepada sektor swasta ini akan dikaji semula setiap 5 tahun.
- 7.2 **Syarat-Syarat Lain** - adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang mengawalinya yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.



## 8) Tarikh Kuatkuasa

- 8.1 **Tarikh Kuatkuasa** - Peraturan ini mula berkuatkuasa pada **1 Januari 2011**.

### BAHAGIAN B : CUTI BERANAK MENGIKUT PERINTAH PEKERJAAN 2009

## 9) Notis Bersalin

- 9.1 Bab 94 (1) Perintah Kerajaan 2009 – memberikan notis kepada majikan sekurang-kurangnya seminggu sebelum dia tidak hadir bekerja.
- 9.2 Bab 94 (2) Perintah Pekerjaan 2009 – jika pekerja perempuan tersebut telah bersalin dengan seberapa segera yang boleh, memberitahu majikannya mengenai tarikh dia bersalin.
- 9.3 Bab 94(3) Perintah Pekerjaan 2009 – jika gagal seperti kehendak cerai (9.1) dan (9.2) hanya berhak mendapat separuh dari amaun sebarang pembayaran yang sepatutnya diterima kecuali mempunyai sebab yang munasabah atas kegagalan berbuat demikian.




## 10) Penalti

- 10.1 Bab 102 Perintah Pekerjaan 2009 – mana-mana majikan yang :
- a) tidak membayar kepada pekerja perempuannya menurut peruntukan bahagian ini; atau
  - b) bertindak dengan melanggar Bab 98 (Pemecatan Semasa Cuti Bersalin)
- 10.2 Jika sabit kesalahan denda tidak melebihi dari \$1,000, penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

**BAHAGIAN C : TATACARA MENDAPATKAN PEMBAYARAN TUNTUTAN BALIK GAJI**

**11) ALJARAN PROSIS TUNTUTAN**



**11.1 Majikan :**

- \* Mengambil borang yang boleh diperolehi di Jabatan Buruh / Jabatan Perbendaharaan/ TAP.
- \* Melengkapkan borang serta menghadapkan dokumen-dokumen penyokong.

**11.2.** Majikan mendapatkan pengesahan dari agensi kerajaan yang berkenaan termasuk Kementerian Kesihatan.

**11.3.** Majikan menghadapkan borang yang telah lengkap disikan ke Jabatan Perbendaharaan untuk pembayaran tuntutan.

## 12. PENGIRAAN KADAR GAJI KASAR CUTI BERANAK

12.1 “Kadar Gaji Kasar” bermakna jumlah amaun wang termasuk elaun-elaun yang diberikan di bawah kontrak perkhidmatanya tetapi tidak termasuk:

- i) bayaran lebih masa;
- ii) bayaran bonus atau tambahan gaji tahunan (*annual salary supplements*);
- iii) apa-apa jumlah wang yang dibayar kepada pekerja untuk mengantikan perbelanjaan khas yang dilakukan olehnya semasa menjalankan pekerjaannya;
- iv) bayaran galakan produktiviti (*Productivity incentive payment*); dan
- v) elaun perjalanan, makanan atau perumahan.

12.2 “Tambahan Gaji Tahunan” bermakna satu pem bayaran tahunan kepada pekerja-pekerja iaitu tambahan kepada jumlah amaun gaji tahunan yang diperolehi oleh mereka, sama ada dinyatakan sebagai suatu peratusannya atau pun selainnya.

12.3 “Bayaran Galakan Produktiviti” bermakna satu p e m b a y a r a n b e r u b a h - r u b a h (*variable payment*), samada ia dibuat tiap-tiap tahun atau selainnya, kepada pekerja sebagai ganjaran untuk:

- i) peningkatan prestasi kerja pekerja;
- ii) meningkatkan produktiviti atau ganjaran keatas sumbangan mereka.

tetapi tidak termasuk sebarang bayaran dimana pembayaran tersebut menjadi sebahagian dari pada kebiasaan gaji pekerja.



## PENGIRAAN KADAR GAJI KASAR CUTI BERANAK

BIL	KATEGORI PEKERJA	FORMULA
1.	Pekerja Gaji Bulan	$\frac{12 \text{ (bulan)} \times \text{Kadar Gaji Kasar}}{52 \text{ (minggu)} \times \text{Jumlah berapa hari pekerja itu bekerja dalam seminggu}}$
2.	Pekerja yang dibayar upah ikut kerja (Pieces Rate)	$\frac{\text{Jumlah upah yang dibayar bagi tempoh 14 hari sejurus sebelum cuti bersalin}}{\text{Jumlah beberapa hari pekerja itu bekerja dalam 14 hari tersebut sejurus sebelum cuti bersalin}}$
3.	Pekerja Gaji Hari	Kadar Gajinya Sehari

## CONTOH PENGIRAAN TUNTUTAN 5 MINGGU BAGI PEKERJA BERGAJI BULAN

**Contoh pengiraan untuk mendapat jumlah 1 minggu jika Kadar Gaji Kasar adalah BND\$1000.**

Dapatkan pengiraan kadar gaji kasar sehari terlebih dahulu seperti formula dibawah:

$$\frac{12 \text{ (bulan)} \times \text{BND}1000}{52 \text{ (minggu)} \times 5 \text{ hari dalam seminggu}} = \frac{\text{BND}12000}{260} = \text{BND } 46.15 \text{ (sehari)}$$

$$= 46.15 \times 7 \text{ hari} = 323.05$$

$$= \text{BND } 1000 \text{ (kadar gaji sebulan iaitu (4 minggu) + BND } 323.05 \text{ (1 minggu) = BND } 1323.05$$